

No.914 – Dalam Tarjamah Maqbul m/s 579 hasyiyah: [.....] orang yang menganiaya keluarga Muhammad tidak bertambah apa-apa kecuali kerugian.Tolong jawab apa pendapat Syiah.

No.915 –Dalam Tarjamamah Maqbul m/s 412 hasyiyah: [.....] sila jawab kenapa ia ada dalam kitab kamu,untuk apa ia dibawa dan adakah ia sah?Sedangkan dalam al Quran yang sebenar bukan begitu.Kerana itulah ulama' kamu bersepakat membuat kesimpulan bahawa al- Quran sekarang tidak asli kerana terlalu banyak yang dibuang.

No.916 –Dalam tafsir Sofi m/s 12: “Adapun yang dibuang daripada al-Quran iaitu firman Allah s.w.t [.....].Mereka mendakwa bahawa sahabat yang menghazaf ayat al-Quran dan ayat ini tidak lengkap/sempurna.Cuba jawab betul atau tidak?

No.916 –Dalam tafsir Sofi ada dinukilkan ‘fi Ali’

No.917 –Dalam tafsir Sofi m/s 12: [.....] sedangkan dalam al-Quran yang ada sekarang lafaz itu tidak wujud/ada tetapi ada dalam kitab mereka.

No.918 –Dalam tafsir Sofi m/s 12 [.....] sedangkan ini tidak ada dalam al-Quran sekarang.Kamu tidak berani mengaku seperti yang imam kamu kata yang Quran ini kurang.Kalau kamu tidak mengaku pun,kamu tidak juga mengkafirkan ulama'- ulama' kamu yang berpendapat begitu.Ini bermakna kamu berbohong.

No.919 –Dalam tafsir Sofi m/s 12 [.....] sedangkan ini tidak ada dalam Quran sekarang.Tidakkah dengan ini jelas menunjukkan dalam ajaran Syiah,Quran sekarang tidak sempurna.

No.920 –Kalau kamu kata tidak,Imam Jaafar Sadiq berkata dalam Tarjamah Maqbul m/s 853 : “Terdapat surah Sawabul Ahzab,ianya lebih panjang daripada surah al-Baqarah tetapi oleh kerana dalam surah tersebut banyak disebut tentang keburukan lelaki dan perempuan Quraisy secara khususnya dan keburukan orang Arab secara umumnya”.Kerana itulah surah ini ditahrif/dikurangkan.

No.921 –Dalam hasyiyah Tarjamah Maqbul m/s 840 ayat ini [.....] sekali dengan ayat [.....] tetapi apabila Quran dikumpulkan ia diletak berasingan/di hujung.Tolong jawab adakah kamu terima ayat Quran ini ada yang terdahulu dan terkemudian kedudukannya? Kalau kamu tidak bersetuju apa pendapat kamu tentang hadith Jaafar Sadiq?

No.922 –Bigitu juga dalam hasyiyah Tarjamah Maqbul m/s 105 tersebut dalam tafsir Qummibahawa ayat ini begini [.....] kemudian orang-orang telah menggugurkan [.....] daripada asal al-Quran.Tolong jawab adakah kamu mengiyakan apa yang disebutkan ini atau tidak?